



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS.PUAN NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

DIALOG TELUK KE-11, 2024

02 OGOS 2024 (JUMAAT)

7:30 MALAM

HOTEL DYNASTY, MIRI

*Bismillahirrahmanirrahim Assalaamu'alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaatuh,*

Salam Malaysia Madani, Salam Segulai Sejalai dan terima kasih.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) atas penganjuran Dialog Teluk Kali ke-11 ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan persatuan serta orang perseorangan yang terlibat bersama bagi menjayakan program ini yang akan berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada hari ini dan akan berakhir pada 4 Ogos ini.

PROGRAM-PROGRAM DIALOG TELUK

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

2. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sememangnya sangat komited dengan semua aktiviti yang melibatkan elemen perpaduan apatah lagi aktiviti seperti Dialog Teluk ini yang berjaya menghimpunkan penulis dan budayawan dari wilayah Teluk Brunei bagi membincangkan persoalan bahasa, sastera dan budaya yang bukan hanya merangkumi di negara Malaysia malah melangkaui ke daerah nusantara yang melibatkan hubungan akrab antara negara-negara yang terlibat.
3. Saya difahamkan, peserta bagi dialog kali ini ada yang datang dari Aceh, Kalimantan Barat, Semenanjung Malaysia, Sabah serta Sarawak. – semua ini tanpa mengira jarak geografi berinteraksi di sini melalui aktiviti bahasa, sastera dan budaya.
4. Pastinya perhimpunan sebegini akan **melonjakkan semangat dan mengangkat martabat pencapaian para penulis seteluk sebudaya**. Banyak budaya tempatan yang mampu diangkat menjadi karya sastera yang hebat serta menjalankan fungsinya yang bukan hanya mendorong perkembangan bahasa, malah turut menjadi wahana untuk menyisipkan elemen perpaduan dalam karya sastera yang dihasilkan.
5. KPN melihat penganjuran Dialog Teluk ini sebagai salah satu **elemen penting untuk menyokong kerangka membangun Malaysia Madani melalui perpaduan dalam kepelbagaian**.

6. Justeru, Dialog Teluk yang bertemakan “Citra Sastera Sebudaya Wilayah Teluk” ini sangat relevan kerana objektif penganjuran dan penglibatan golongan sasaran adalah berfokus untuk membina komuniti sastera yang mampan bagi mengangkat nilai-nilai kemanusiaan serta integrasi nasional.
7. Apa yang lebih penting lagi, penganjuran program ini begitu bermakna kerana **golongan penulis sangat berpengaruh untuk menerapkan elemen ilmu dalam karya, menyuntik nilai dan falsafah yang signifikan bagi membentuk pembangunan jati diri, perpaduan, semangat patriotisme melalui sastera** . Karya-karya inilah yang akan dibaca oleh generasi muda yang merupakan warisan pelapis kepimpinan negara bangsa pada masa depan.
8. Dialog Teluk merupakan program yang diadakan secara bergilir di wilayah Teluk Brunei.
9. Pemilihan Miri sebagai tuan rumah pada kali ini amat bertepatan kerana sejarahnya yang akrab dengan negeri dan negara berdekatan. Malah bandar raya Miri juga menghimpunkan kepelbagaian etnik yang paling ramai yang pastinya selari dengan aspirasi KPN, perpaduan dalam kepelbagaian.
10. Kepelbagaian etnik yang mempunyai pelbagai budaya ini perlu diangkat menjadi tema karya sastera yang akan memperkaya khazanah sastera itu sendiri. Ini juga dapat dijadikan sebagai gambaran kehidupan yang akhirnya mengangkat falsafah perpaduan dalam masyarakat.

11. Semoga dengan kehadiran penulis dari luar Sarawak akan dapat memberikan gambaran tentang lokaliti dan budaya tempatan yang mampu digarap dalam karya sastera kebangsaan. Dialog Teluk ini juga akan menjadi gelanggang pertukaran idea dan pandangan, pada akhirnya akan bergerak dalam satu alur iaitu perpaduan hujah. Perbezaan pandangan dan persepsi akan mampu diselarakan atau diluruskan dengan minda yang terbuka.

MEMBENTUK SEMANGAT PERPADUAN

Sidang hadirin dihormati sekalian,

12. Saya yakin dan percaya dengan penglibatan golongan sastera, bahasa dan budaya akan memberi satu gambaran yang jelas bahawa kerajaan memandang serius tentang peranan sastera yang menjadi jambatan ilmu dan jambatan perpaduan dalam kehidupan.
13. Justeru, saya berharap agar semua yang hadir pada hari ini, dapat mengambil peluang untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman, penghayatan dengan menjadikan sastera sebagai wahana perpaduan bangsa dan negara.

PENUTUP

Sidang hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada :
 - Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) yang diketuai oleh Sasterawan Negeri Sarawak yang kelima –

Saudara Zainal Abidin Suhaili

- Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA),
- Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak,
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
- serta Dewan Bahasa dan Pustaka atas penganjuran Dialog Teluk pada kali ini.

15. Tidak dilupakan juga peranan yang dimainkan oleh Persatuan BAHASA, ASTERAWANI, PERWILA dan PEKASA, terutama dari segi penyertaan para peserta.
16. Saya yakin dan percaya Dialog Teluk ini akan dapat memberi manfaat yang besar kepada para cendekiawan, karyawan, seniman, budayawan agar martabat dan masa sastera di nusantara dan di Malaysia khususnya akan terus berkembang luas.
17. Akhit kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan **Dialog Teluk Kali Ke-11, 2024.**

Sekian, terima kasih.